

Pelantikan Dr M penasihat Proton tepat

PELANTIKAN Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai penasihat Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) menepati sumbangah dan peranan beliau dalam membangunkan syarikat kereta nasional itu.

Selain itu, ia juga memberi peluang kepada Proton mendapatkan pandangan, idea dan nasihat daripada bekas Perdana Menteri itu.

Ini kerana seperti ditegaskan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sesungguhnya Dr Mahathir mempunyai pengetahuan yang luas mengenai Proton kerana beliau sudah terbabat dengan syarikat itu sejak awal penubuhannya.

"Tun (Dr Mahathir) sudah terbabat dengan Proton sejak awal. Beliau memainkan peranan dalam merealisasikan projek kereta nasional itu dan sentiasa mengikuti perkembangannya.

"Sebagai Perdana Menteri ketika penubuhan Proton, tentunya Tun mempunyai pengalaman dan banyak idea yang yang boleh disumbangkannya," katanya.

Sumbangan Dr Mahathir dalam membangunkan industri pembuatan kereta di negara ini bermula pada 1980-an lagi.

Oleh yang demikian, pelantikannya sebagai penasihat Proton adalah pilihan paling tepat.

Langkah beliau merierajui negara meneroka program industri berat pada dekad 80-an juga menjadi titik permulaan kepada perkembangan pesat yang dinikmati Malaysia ketika ini.

Walaupun banyak pihak yang mulanya meragui wawasan Dr Mahathir itu dengan menyifkannya sebagai 'tindakan berani mati', ia kini jelas membuahkan hasil yang tidak pernah dimimpikan sebahagian besar masyarakat negara ketika itu.

Ini kerana teras kepada strategi membangunkan industri berat ketika itu, terutama projek kereta nasional Proton memerlukan modal dan kemahiran yang amat tinggi sedangkan Malaysia ketika itu dikatakan mahu 'membuat jarum pun tidak pandai'.

Lumrah manusia, pembaharuan sering mengundang tentangan dan begitulah juga halnya dengan Proton.

Namun, bekas Perdana Menteri itu tidak pernah gentar malah menyusun strategi untuk memastikan hasratnya melihat Malaysia mempunyai projek kereta nasionalnya sendiri mencapai kejayaan.

Ketika itu, projek Proton bukan saja mendapat tentangan daripada pemimpin politik, malah ada kalangan ahli akademik dan anggota Kabinet Dr Mahathir sendiri kurang yakin dengan daya maju Proton.

Pelbagai komen dan kritikan dikemukakan dalam seminar, forum malah pada Perhimpunan Agung Umno sendiri.

Namun kecekalan Dr Mahathir yang berpegang kepada pepatah 'kalau tidak dipecahkan ruyung, mana-

kan dapat sagunya' akhirnya menjadikan Proton satu kemenangan.

Hari ini, sebahagian besar daripada rakyat Malaysia bergantung kepada keretanasional Proton untuk menjalankan kehidupan seharian.

Sama ada ke tempat kerja, bersiar-siar, bersama keluarga atau apa saja, kereta nasional Proton menjadi pilihan mereka.

Segala-galanya bermula daripada wawasan keramat dan cetusan idea Dr Mahathir yang berpendapat, projek kereta nasional adalah satu daripada langkah strategik melonjakkan kemajuan negara dalam jarigka panjang.

Ia berteraskan kepada hakikat bahawa dengan sumbernya yang kaya, Malaysia boleh menjadi ekonomi moden dan setanding negara maju dan projek kereta nasional, walaupun mendapat kritikan, akan mencetuskan anjakan kepada program perindustrian negara untuk mara lebih jauh.

Menerusi Proton, bekas Perdana Menteri berharap supaya ia mampu meningkatkan tahap usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) rakyat Malaysia seterusnya membentuk asas yang kukuh untuk muncul sebagai sebuah negara perindustrian.

Di sebalik kritikan dan kebimbangan itu, usaha gigih Dr Mahathir akhirnya membuahkan hasil apabila pada 1985, Proton berjaya menghasilkan kereta nasionalnya yang dinamakan Proton Saga sekali gus menjadi kebanggaan rakyat serta membuka lebar baru dalam bidang industri negara.

Begitupun, kejayaan itu tidak pernah menjadikan Dr Mahathir berpuas hati kerana sebahagian besar daripada teknologi penghasilan model kereta nasional sulung itu datangnya daripada rakan kongsi Jepun, Mitsubishi.


Seterusnya beliau memelopori usaha untuk menggalakkan Proton mara setapak lagi dan meningkatkan usaha R&D secara berterusan bagi memastikan ia dapat menghasilkan sebuah kereta nasional tulen yang setanding saingannya pada masa depan.

Kini, mengimbas detik-detik getir menjelang kelahiran kereta nasional sulung Proton Saga, memberikan satu pengajaran kepada seluruh warga Malaysia mengenai betapa pentingnya industri berkenaan kepada keseluruhan proses pembangunan negara.

Kejayaan Malaysia meheruarkannya pelbagai model kenderaan nasional sejak 1985, tidak bermakna Malaysia boleh berpuas hati dengan pencapaian semasa, sebaliknya perlu terus berusaha meningkatkan kualiti untuk bersaing dalam pasaran global, terutama apabila Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) bagi industri automotif dilaksanakan pada 2005.

Begitupun, kini Proton sudah mengeluarkan pelbagai jenis kereta yang berjaya mendominasi pasaran tempatan, malah juga meneroka pasaran antarabangsa iaitu di Asia dan Afrika. Malah negara Eropah yang me-

DR Mahathir menunjukkan isyarat bagus kepada kereta proton Waja 1.8 ketika pelancarannya di Dataran Putra, tidak lama dulu. -Gambar Bernama



mang terkenal cekap dalam bidang berkenaan juga menerimanya.

Wawasan Dr Mahathir dalam merealisasikan projek kereta nasional membuktikan bahawa syarikat tempatan tidak sepatutnya berasa rendah diri, sebaliknya perlu bangun dan berusaha gigih membuktikan bahawa ia juga mampu menghasilkan produk yang bermutu dan setanding dengan apa yang dihasilkan negara maju.

Kelahiran Proton Waja pada Mei 2000, kereta nasional pertama yang 100 peratus reka bentuknya dimajukan oleh jurutera tempatan membuktikan kemampuan Malaysia menjadi nama besar dalam industri automotif global.

Proton Waja yang didatangkan dalam versi 1.6 liter dan 1.8 liter itu adalah model kelapan dikeluarkan Proton selepas Saga pada 1985; Iswara (1992); Wira (1993); Satria (1994); Perdana (1995); Tiara (1996) dan Putra (1997).

Kejayaan melahirkan Waja juga menjadi motivasi kepada syarikat tempatan yang lam.

Ia mengesahkan bahawa Proton kini berupaya mereka bentuk apa juga produk perkaitan automotif serta mampu mewujudkan aset intelektualnya sendiri.

Ketua Eksekutif Proton, Tan Sri Dr Tengku Mahaleel Tengku Ariff, dalam satu temu bual selepas kelahiran Waja di pasaran berkata, model itu menjadi titik permulaan yang menyaksikan transformasi Proton daripada pemasang kereta kepada syarikat yang unik dari segi keupayaan kejuruteraannya.

Beliau berkata, kejayaan menjadikan Malaysia negara yang berkebolehan dari segi mereka bentuk produk dicapai lanjutan daripada pembelian Lotus Group International Ltd dan Michigan Automotive Research Company dari Amerika, serta penambahan tenaga jurutera tempatan pada Oktober 1996.

Dalam tempoh empat tahun selepas itu, Proton sudah menambah bilangan jurutera penyelidikannya 15

kali ganda kepada 1,500 orang, termasuk 300 jurutera Malaysia dan selebihnya di Britain.

Sebelum ini, Proton tidak mempunyai kebolehan mengadakan ujian enjin lanjutan tetapi pembelian dua syarikat asing berkenaan membolehkan Proton melompat satu tahap lagi dari segi teknologi.

Dengan aset intelektual itu, Proton boleh mereka bentuk apa saja yang dikehendakinya.

Itulah yang strategik untuk masa depan Proton dan kini ia membuktikan sudah mempunyai kebolehan serta asas sendirinya yang kukuh.

Tengku Mahaleel berkata, Proton juga kini sudah berjaya mengikis imej kereta Proton yang pernah dicap sebagai kereta 'tin Milo' kerana kini badan kereta Waja menggunakan logam setebal kereta Jerman seperti Mercedes-Benz dan BMW manakala lantainya dua kali ganda kukuh daripada model terdahulu.

Dari segi keselamatan - isu yang sering dibangkitkan pada peringkat awal Dr Mahathir melahirkan wawasannya menubuhkan Proton Waja bukan saja menepati piawaian Euro Crash 2003, tetapi melebihi standard berkenaan sebanyak lima peratus.

Dalam hal ini, Proton Waja adalah produk unik kerana ia tidak sama dengan kereta dikeluarkan negara lain.

Sekali lagi pendirian Dr Mahathir bahawa "Malaysia tidak boleh eksport barangan yang diambil dari negara lain dan mendakwa ia teknologi Malaysia kerana pelanggan sudah pandai menilai", terbukti benar dan berjaya.

Sehubungan itu, selepas berjaya meletakkan asas yang kukuh kepada Proton, wawasan syarikat ditumpukan ke arah usaha meningkatkan pengambilalihan aset intelektual dari universiti, pelajar, saintis dan syarikat di luar negara untuk memberikannya kebolehan yang satu tahap lebih tinggi untuk bersaing dalam era globalisasi.

Ini kerana, era globalisasi sebenar-

nya era persaingan yang hebat dan hanya syarikat yang benar-benar berdaya tahan serta berwibawa dengan mempunyai asas yang kukuh saja akan berjaya meneruskan kelangsungan hidupnya.

Kejayaan Proton kini bukan dicapai dalam sekelip mata.

Pelbagai cabaran dan kritikan yang dilempar membuatkan syarikat itu semakin hari semakin gagah menghasilkan produk terbaik dari hari ke hari.

Di sebalik semua kritikan itulah, banyak kejayaan manis yang diukir.

Pada 1986, ketika baru berusia setahun jagung di jalan raya Malaysia, Proton Saga muncul sebagai kereta paling laris jualannya di negara ini dengan menguasai 47 peratus pasaran kereta tempatan.

Pada tahun itu juga, Proton Saga mula memasuki pasaran antarabangsa dengan 25 unit dieksport ke Bangladesh.

Pada 1987, hasrat Dr Mahathir melihat kereta nasional bertapak lebih kukuh di pasaran antarabangnya menjadi realiti.

Eksport Proton menjangkau lima lagi negara di Asia dan memulakan langkah pertama memasuki pasaran Eropah di Malta yang menyaksikan 80 unit kereta memasuki negara berkenaan.

Menjelang September 1988, Proton berjaya mengeluarkan kereta ke-100,000 unit dan menguasai 73 peratus pasaran kereta tempatan.

Lebih membanggakan, pada tahun yang sama, kereta nasional berjaya memasuki pasaran Britain dengan kumpulan pertama penghantaran membabitkan 540 unit.

Kini kereta nasional ini dieksport ke 50 negara termasuk pasaran Britain dan Eropah yang dikatakan satu pasaran yang paling berdaya saing.

Dengan barisan modelnya seperti Waja, Satria, Wira, Iswara, Arena, Perdana, Juara dan yang terbaru GEN.2, ia mempunyai nama yang semakin gagah di persada antarabangsa.